



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN  
ALAT BANTU MENGAJAR DALAM  
SUBJEK SAINS SUKAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DIANA RINIE ANAK SAWAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN  
ALAT BANTU MENGAJAR DALAM  
SUBJEK SAINS SUKAN

DIANA RINIE ANAK SAWAN

D20191087636



TESIS DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)  
DENGAN KEPUJIAN.

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.

2023





## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan projek akhir tahun ini adalah sepenuhnya hasil daripada karya saya sendiri kecuali pernyataan – pernyataan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan dalam sumber rujukan.



DIANA RINIE ANAK SAWAN

(D20191087636)

Pelajar Kursus

Projek Tahun Akhir Sains Sukan (QSR 3996)

Tahun 2022/2023

.....

TARIKH





## PENGESAHAN PENYELIA KURSUS

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi keperluan untuk kursus QSR 3996 Projek Tahun Akhir untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan kepujian, di Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.



(DR. NORHAZIRA BINTI ABDUL RAHIM)

Penyelia Kursus

Projek Tahun Akhir Sains Sukan (QSR 3996)

Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tahun 2022/2023

.....

TARIKH





## PENGESAHAN PENYELARAS KURSUS

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi keperluan untuk kursus QSR 3996 Projek Tahun Akhir untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan kepujian, di Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.



(DR. OMAR FIRDAUS BIN MOHD SAID)

Penyelia Kursus

Projek Tahun Akhir Sains Sukan (QSR 3996)

Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tahun 2022/2023

.....

TARIKH





## DEDIKASI

*Syukur kepada Allah S.W.T*

*Dengan izin dan berkat – NYA, penulisan ilmiah ini berjalan dengan lancar dan berjaya  
mencapai apa yang telah dirancang.*

*Buat Ayahandaku Sawan Anak Panggau Dan Ibunda Manin Anak Angga, terima kasih  
atas doa dan dorongan ayahanda dan ibunda yang sentiasa mengiringi dan memberi  
semangat kepada anakanda demi mencapai kejayaan.*



*Ditujukan Khas Buat*

*DR. NORHAZIRA BINTI ABDUL RAHIM*

*Terima kasih atas segala bimbingan dan tunjuk ajar, hanya tuhan yang mampu membalas  
jasamu.*

*Sahabat-sahabatku*

*Atas segala doa dan dorongan kalian hулurkan, hanya tuhan mampu membalas jasa baik  
kalian*

*Buat teman seperjuangan Batch IRIS AT03*

*Ribuan terima kasih buat segalanya, kenangan bersama tidak akan dilupakan buat selamanya.*



## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah S.A.W serta sahabat Baginda. Alhamdulillah, Syukur kepada Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya mengizinkan saya menyempurnakan penulisan penyelidikan ini.

Ini merupakan sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Sains Sukan) dengan kepujian, Fakulti Sains Sukan dan kejurulatihan. Melalui kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang turut serta dalam menjayakan persiapan projek ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih Dr. Norhazira Binti Abdul Rahim selaku pensyarah penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar yang amat berharga kepada saya dalam menyiapkan penulisan ini. Begitu juga ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Siti Musliha Binti Mat Rasid dan Dr. Omar Firdaus Bin Mohd Said selaku penyelaras Kursus Projek Tahun Akhir Sains Sukan (QSR 3996) yang tidak jemu mengajar dan membimbing saya untuk menyiapkan projek ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang sentiasa ada di belakang saya untuk menyokong dan memberi dorongan dalam menyiapkan

kerja kursus ini terutama ibunda, Manin Anak Angga, dan juga ayahanda, Sawan Anak Panggau, turut memberi sokongan, rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa meluangkan masa membimbing saya menjayakan kajian ini.

Akhir kalam, buat rakan seperjuangan saya AT03 Iris semoga perkenalan dan kenangan bersama akan terus kekal abadi. Mudah-mudahan segala kebaikan yang dihulurkan dibalas dengan ganjaran yang berlipat kali ganda oleh yang Maha Pencipta. Diri ini mendoakan agar kejayaan menjadi milik kita semua bukan hanya kehidupan di dunia ini malahan di akhirat kelak, Insya Allah.

Saya dengan rendah diri memohon kemaafan seandainya terdapat kekurangan dalam proses menyiapkan kerja ini. Segala jasa dan bantuan dari kalian amatlah saya hargai. Sekian, Terima Kasih.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam subjek Sains Sukan. Kajian ini adalah sebuah kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Pemilihan sampel kajian subjek kajian dijalankan secara persempelan rawak berkelompok bertujuan melibatkan 30 orang pelajar Tingkatan 6. Kajian rintis telah menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai nilai kesahan yang tinggi iaitu 0.776. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif yang menjelaskan frekuensi, peratusan, min dan Korelasi Pearson pelajar terhadap tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru dengan penggunaan ABM. Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap kemahiran guru menggunakan ABM secara keseluruhannya mempunyai nilai min di tahap yang tinggi iaitu 4.4333. Hal yang sama berlaku kepada tahap pelaksanaan guru menggunakan ABM juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.5778. Ujian korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang tinggi antara tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru menggunakan ABM dalam subjek Sains Sukan iaitu dengan nilai  $r = 0.776$ . Memandangkan nilai  $p = 0.000$  adalah lebih kecil daripada 0.01, maka terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru menggunakan ABM dalam subjek Sains Sukan. Dapatan kajian ini juga dapat memberi impak yang positif kepada pemahaman pelajar terutama dalam subjek Sains Sukan dengan penggunaan ABM dapat meningkatkan perkembangan positif terhadap subjek tersebut. Pelbagai pihak perlu mengambil langkah bagi memperluaskan penggunaan ABM dalam PdPc agar pelaksanaan dapat dilakukan dengan jayanya.

## **TO IDENTIFY THE LEVEL OF EFFECTIVENESS OF USING LEARNING AID (ABM) IN THE SUBJECT OF SPORT SCIENCE**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the level of effectiveness of the use of ABM in the subject of Sports Science. This study is a survey study using quantitative methods using a questionnaire as an instrument. The selection of the study subject research sample was carried out by cluster random sampling aimed at involving 30 Form 6 students. A pilot study has shown that this questionnaire has a high validity value of 0.776. The data was analyzed using descriptive analysis that explained the frequency, percentage, mean and Pearson Correlation of students on the level of skill, level of implementation and level of effectiveness of the teacher with the use of ABM. The results of this study found that the teacher's skill level using ABM as a whole has a high mean value of 4.4333. The same applies to the implementation level of teachers using ABM also shows a high mean value of 4.5778. The Pearson correlation test shows a high relationship between the level of skill, the level of implementation and the level of effectiveness of teachers using ABM in the subject of Sports Science with a value of  $r = 0.776$ . Since the value of  $p = 0.000$  is smaller than 0.01, then there is a significant relationship between the level of skill, the level of implementation and the level of effectiveness of teachers using ABM in the subject of Sports Science. The findings of this study can also have a positive impact on student understanding, especially in the subject of Sports Science, with the use of ABM can increase the positive development of the subject. Various parties need to take action to expand the use of ABM in PdPc so that implementation can be done successfully.

## ISI KANDUNGAN

| BAB | PERKARA                      | MUKA SURAT |
|-----|------------------------------|------------|
|     | PENGAKUAN                    | i          |
|     | PENGESAHAN PENYELIA KURSUS   | ii         |
|     | PENGESAHAN PENYELARAS KURSUS | iii        |
|     | DEDIKASI                     | iv         |
|     | PENGHARGAAN                  | v-vi       |
|     | ABSTRAK                      | vii        |
|     | ABSTRACT                     | viii       |
|     | KANDUNGAN                    | iv         |
|     | SENARAI JADUAL               | xv         |
|     | SENARAI RAJAH                | xviii      |
|     | SENARAI SINGKATAN            | xix        |
|     | SENARAI LAMPIRAN             | xx         |

### BAB 1 PENDAHULUAN

|                           |      |
|---------------------------|------|
| 1.1 Pengenalan            | 1-3  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 4-6  |
| 1.3 Pernyataan Masalah    | 6-10 |

|                                |       |
|--------------------------------|-------|
| 1.4 Kerangka Konseptual Kajian | 11    |
| 1.5 Tujuan Kajian              | 13    |
| 1.6 Objektif Kajian            | 13    |
| 1.7 Persoalan Kajian           | 14    |
| 1.8 Kepentingan Kajian         | 14-16 |
| 1.9 Batasan Kajian             | 17    |
| 1.10 Definisi Operational      | 17-18 |

#### 1.10.2 Tahap

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
|  05-4506832  1.10.2 Keberkesanan  Perpustakaan Tuanku Bainun<br>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi |  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|

#### 1.10.3 ABM

#### 1.10.4 Subjek

|              |    |
|--------------|----|
| 1.11 Rumusan | 19 |
|--------------|----|

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

|                                                                             |       |
|-----------------------------------------------------------------------------|-------|
| 2.1 Pengenalan                                                              | 20    |
| 2.2 Alat Bantu Mengajar Dalam Kurikulum<br>Standard Sekolah Menengah (KSSM) | 21-23 |
| 2.3 Kajian Lampau                                                           | 23    |
| 2.3.1 Kaedah Pengajaran & Pembelajaran                                      | 24-27 |

|                                       |       |
|---------------------------------------|-------|
| 2.3.2 Alat Bantu Mengajar             | 27-29 |
| 2.3.3 Kajian Berkaitan Penggunaan ABM | 29-31 |
| 2.4 Rumusan                           | 32    |

### **BAB 3 METODOLOGI**

|                        |       |
|------------------------|-------|
| 3.1 Pengenalan         | 33-34 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 34-36 |
| 3.3 Responden Kajian   | 36    |

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 3.3.2 Sampel Kajian           |    |
| 3.4 Instrumen Kajian          | 37 |
| 3.4.1 Soal Selidik Bahagian A | 38 |
| 3.4.2 Soal Selidik Bahagian B | 39 |
| 3.4.3 Soal Selidik Bahagian C | 39 |
| 3.4.4 Soal Selidik Bahagian D | 39 |

|                                  |       |
|----------------------------------|-------|
| 3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 49-41 |
| 3.5.1 Kesahan                    |       |
| 3.5.2 Kebolehpercayaan           |       |

|                     |       |
|---------------------|-------|
| 3.6 Kajian Rintis   | 41    |
| 3.7 Prosedur Kajian | 42    |
| 3.8 Analisis Data   | 44-45 |
| 3.9 Rumusan         | 47    |

## **BAB 4 ANALISIS DATA**

|                                     |       |
|-------------------------------------|-------|
| 4.1 Pengenalan                      | 48-49 |
| 4.2 Analisis Soal Selidik Responden | 49-50 |

|                                                                                                                       |       |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 4.2.1 Maklumat Profil Responden                                                                                       | 50-52 |
| 4.2.2 Analisis Tahap Kemahiran Guru<br>Sains Sukan Dalam Penggunaan Alat Bantu<br>Mengajar Semasa PdPc Sains Sukan    | 53    |
| 4.2.3 Analisis Tahap Pelaksanaan Guru<br>Sains Sukan Dalam Penggunaan Alat Bantu<br>Mengajar Semasa PdPc Sains Sukan  | 63    |
| 4.2.4 Analisis Tahap Keberkesanan Guru<br>Sains Sukan Dalam Penggunaan Alat Bantu<br>Mengajar Semasa PdPc Sains Sukan | 73    |

|                                          |    |
|------------------------------------------|----|
| 4.2.5 Analisis Korelasi Pearson Hubungan | 83 |
| Antara Tahap Guru Sains Sukan Dalam      |    |
| Penggunaan ABM Semasa PdPc Sains Sukan   |    |
| 4.3 Rumusan                              | 86 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

|                |    |
|----------------|----|
| 5.1 Pengenalan | 87 |
|----------------|----|

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                  |    |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|----|
|  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun<br>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi | 5.2 Perbincangan | 88 |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|----|

|                                        |       |
|----------------------------------------|-------|
| 5.2.1 Tahap Kemahiran Guru Sains Sukan | 89-90 |
| Dalam Penggunaan Alat Bantu Mengajar   |       |
| Semasa PdPc Sains Sukan                |       |
| 5.2.2 Tahap Pelaksanaan Guru Sains     | 90-92 |
| Sukan Dalam Penggunaan Alat Bantu      |       |
| Mengajar Semasa PdPc Sains Sukan       |       |
| 5.2.3 Tahap Keberkesanan Guru Sains    | 92-93 |
| Sukan Dalam Penggunaan Alat Bantu      |       |
| Mengajar Semasa PdPc Sains Sukan       |       |



|                                                                                                                                                                         |         |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 5.2.4 Hubungan Antara Tahap Kemahiran,<br>Tahap Pelaksanaan Dan Tahap keberkesanan<br>Guru Sains Sukan Dalam Menggunakan Alat<br>Bantu Mengajar Semasa PdPc Sains Sukan | 94-95   |
| 5.3 Implikasi Kajian                                                                                                                                                    | 95-96   |
| 5.4 Batasan Kajian                                                                                                                                                      | 96-97   |
| 5.5 Cadangan Kajian Seterusnya                                                                                                                                          | 97      |
| 5.6 Kesimpulan                                                                                                                                                          | 98      |
| <b>RUJUKAN</b>                                                                                                                                                          | 99-101  |
| <b>LAMPIRAN (A&amp;B)</b>                                                                                                                                               | 102-112 |





## SENARAI JADUAL

### NO JADUAL

### MUKA SURAT

|      |                                                                                    |       |
|------|------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 3.1  | Pemarkahan Perskalaan Berdasarkan Skala Likert                                     | 38    |
| 3.2  | Interpretasi Skor Min (Konting, 2005)                                              | 45    |
| 3.3  | Penentuan Korelasi Berdasarkan Pekali Korelasi (r),<br>(Brunning dan Klintz, 1996) | 45-46 |
| 4.2  | Analisis A1                                                                        | 50    |
| 4.3  | Analisis A2                                                                        | 51    |
| 4.4  | Analisis A3                                                                        | 52    |
| 4.5  | Analisis Item B1                                                                   | 53    |
| 4.6  | Analisis Item B2                                                                   | 54    |
| 4.7  | Analisis Item B3                                                                   | 55    |
| 4.8  | Analisis Item B4                                                                   | 56    |
| 4.9  | Analisis Item B5                                                                   | 57    |
| 4.10 | Analisis Item B6                                                                   | 58    |
| 4.11 | Analisis Item B7                                                                   | 59    |
| 4.12 | Analisis Item B8                                                                   | 60    |
| 4.13 | Analisis Item B9                                                                   | 61    |
| 4.14 | Analisis Item B10                                                                  | 62    |

|      |                   |    |
|------|-------------------|----|
| 4.15 | Analisis Item C1  | 63 |
| 4.16 | Analisis Item C2  | 64 |
| 4.17 | Analisis Item C3  | 65 |
| 4.18 | Analisis Item C4  | 66 |
| 4.19 | Analisis Item C5  | 67 |
| 4.20 | Analisis Item C6  | 68 |
| 4.21 | Analisis Item C7  | 69 |
| 4.22 | Analisis Item C8  | 70 |
| 4.23 | Analisis Item C9  | 71 |
| 4.24 | Analisis Item C10 | 72 |
| 4.25 | Analisis Item D1  | 73 |
| 4.26 | Analisis Item D2  | 74 |
| 4.27 | Analisis Item D3  | 75 |
| 4.28 | Analisis Item D4  | 76 |
| 4.29 | Analisis Item D5  | 77 |
| 4.30 | Analisis Item D6  | 78 |
| 4.31 | Analisis Item D7  | 79 |
| 4.32 | Analisis Item D8  | 80 |
| 4.33 | Analisis Item D9  | 81 |

|      |                                                                                                                             |    |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.34 | Analisis Item D10                                                                                                           | 82 |
| 4.35 | Analisis Korelasi Pearson Antara Tahap Kemahiran,<br>Tahap Pelaksanaan Dan Tahap Keberkesanan ABM<br>Dalam PdPc Sains Sukan | 83 |



## SENARAI RAJAH

### NO. RAJAH

### MUKA SURAT

|     |                             |    |
|-----|-----------------------------|----|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian  | 12 |
| 3.1 | Kerangka Reka Bentuk Kajian | 43 |



## SENARAI SINGKATAN

|      |                                        |
|------|----------------------------------------|
| ABM  | ALAT BANTU MENGAJAR                    |
| PDPC | PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN           |
| KSSM | KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH    |
| KPM  | KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA        |
| SPSS | STATISTICAL PACKAGE FOR SOCIAL SCIENCE |

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### MUKA SURAT

|            |                                 |         |
|------------|---------------------------------|---------|
| LAMPIRAN A | SET SOALAN SELIDIK              | 102-106 |
| LAMPIRAN B | PAPARAN SCREENSHOT SOAL SELIDIK | 107-112 |



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**



#### **1.1 Pengenalan**

Dalam sesebuah institusi pendidikan, proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dilihat sebagai satu kuasa atau pendorong yang penting bagi mencorakkan modal insan yang dilahirkan. Pengurusan PdPc yang dinamik dan sistematik mampu mengembangkan pembudayaan saintifik, pengetahuan baru, pencetusan idea kreatif dan inovatif, pembangunan potensi manusia yang lebih mampan serta penyebaran maklumat (Jantan,2016).





Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) sangat memainkan peranan yang penting dalam membantu murid memahami sesuatu konsep di dalam kelas dengan lebih mudah. Penggunaan ABM yang berkesan mampu menarik minat murid untuk belajar serta meningkatkan prestasi pembelajaran murid. Menurut Mohd Bakhri & Ikhmal Zamri (2016), penggunaan ABM yang menarik mampu memberi keseronokkan kepada murid serta dapat membantu murid untuk mengingati apa yang dipelajari sekaligus membantu mereka untuk menguasai sesuatu topik.



Bahan bantu mengajar (ABM) juga merupakan antara kaedah alternatif yang digunakan oleh guru untuk membantu sewaktu sesi PdPc dilaksanakan. ABM amat penting untuk digunakan dalam proses PdPc kerana kaedah ini dapat membantu dalam menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar dengan lebih jelas dan berkesan.

Kaedah mengajar pada hari ini, perlu lebih banyak ditekankan kepada konsep lebih interaktif, konstruktif, mesra dan bersungguh-sungguh berbanding kaedah tradisional berupa “*chalk and talk*” dan didapati kurang efektif bagi murid yang ramai (Shaharuddin dan Ahmad Jasmi, 2010). PdPc yang betul digambarkan sebagai proses mengajar dan belajar berasaskan kefahaman yang mendalam tentang interaksi dalam bilik darjah dan alam persekitaran (Yahaya, 2010).







Penggunaan ABM dalam PdPc dapat membantu murid menjadi lebih produktif di dalam kelas. Menurut Mohamed Nor Azhari Azman, Nur Amierah Azli, Ramlee Mustapa, Balamuralithara & Nor Kalsum Mohd Isa (2014), mereka menyatakan bahawa penggunaan BBM di dalam PdPc membantu menajamkan deria murid untuk menerima sesuatu topik pembelajaran secara efektif. Murid yang membaca sambil melihat gambar boleh mengingat dengan lebih baik berbanding murid yang hanya membaca teks sahaja (Zamri, Ruslin & Mohamed Amin, 2014).



Penggunaan ABM dapat meningkatkan kefahaman murid dan memudahkan murid untuk belajar serta menerima maklumat dari guru secara optimal (Zainal Azir, 2017). Pengkaji juga berpendapat penggunaan ABM adalah satu cara untuk meningkatkan pencapaian dan kejayaan bagi murid-murid kerana tanpa ABM, proses PdPc akan kurang kualiti dan efektif serta pencapaian akademik akan menurun. Oleh itu, semua guru perlu melaksanakan penggunaan ABM dalam PdPc mereka bagi melahirkan murid yang cemerlang dari pelbagai aspek.

Selain itu, penggunaan ABM dalam PdPc di sekolah memerlukan kesediaan guru dari aspek amalam, kemahiran dna sikap mereka supaya penggunaan ABM dalam PdPc berjalan dengan berkesan dan berkualiti.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Subjek Sains Sukan di Malaysia bagi peringkat Sekolah Menengah adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KSSM Sains Sukan adalah satu matapelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) di dalam kelompok Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik (STEM) yang digubal untuk murid Tingkatan 4 dan 5. KSSM Sains Sukan bertujuan menghasilkan murid yang menguasai pengetahuan, kemahiran, nilai, dan pengalaman asas Sains Sukan melalui amalan teori dan praktikal dalam bidang sukan bagi persediaan sebagai atlet, pengajian peringkat tinggi dan kerjaya dalam sukan.

Penggunaan ABM dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas merupakan satu elemen penting yang perlu diterapkan dalam setiap guru dalam menyahut hasrat negara untuk menjadikan negara maju menjelang 2020. Dengan penggunaan ABM, guru dapat menerangkan sesuatu perkara dan konsep sukan mata pelajaran dengan lebih tepat berbanding penerangan secara lisan (Abdul Rahim & Hayazi, 2010).

Salah satu kebaikan ABM ialah dapat memberikan kefahaman kepada murid tentang konsep sesuatu perkara semasa belajar. Hal ini disokong oleh Noor Azlan dan Nurdalina (2010). Menurut Noor Azlan dan Nurdalina (2010), ABM memainkan peranan penting kearah

memahami konsep di dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat murid dalam mata pelajaran. ABM merupakan instrumen dalam membantu pemahaman murid. ABM juga dikatakan lebih membantu merangsang dunia murid untuk belajar.

Penggunaan ABM juga memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan murid. Noor Azlan dan Nurdalina (2010), menyatakan ABM dapat menyelesaikan pelbagai kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman.

Hal ini dapat digambarkan seperti seorang guru dalam proses PdPc. Dalam hal ini, guru perlumenguasai konsep pengajaran bahasa berbantuan ABM agar pemahaman yang mantap terhadap konsep tersebut dapat memberi kesan kepada mutu pengajaran guru. Ini disebabkan terdapat pelbagai pemahaman terhadap konsep yang diberikan oleh guru.

Selain itu, penggunaan ABM juga dapat mencetuskan minat murid. Peralatan yang digunakan juga menjadi penggalak dalam penyampaian pelajaran. ABM dapat mewujudkan suasana persekitaran yang sesuai kepada murid. Jika ABM digunakan dengan teratur semasa memberi penerangan, pengajaran yang disampaikan akan mencetuskan minat murid (Noor

Azlan & Nurdalina,2010). Norma (2004) juga menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu yang sesuai akan mendorong minat murid untuk melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan. Pembelajaran yang menyeronokkan ini dapat membantu murid mencapai objektif pembelajaran seperti yang telah dirancang.

Bukan itu sahaja, pelbagai ABM digunakan sebagai satu cara untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan semasa PdPc dilaksanakan. Ini kerana ia dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih mudah, cepat serta menarik. Cara penggunaan ABM hendaklah diuruskan dengan betul dan cekap supaya murid dapat memahami dan mengekalkan konsep atau fakta subjek Sains Sukan dalam ingatan mereka (Norma,2004). Guru menggalas tanggungjawab dalam memastikan proses PdPc di dalam kelas untuk kekal aktif dan objektif pembelajaran dapat dicapai oleh setiap murid.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sungguh pun sistem Pendidikan negara sedang mengalami perubahan dalam corak pentaksiran, namun masih ramai guru dan murid yang terikat dengan sistem pendidikan sedia ada yang berlandaskan kepada sistem peperiksaan. Keadaan ini mewujudkan kaedah pengajaran yang berorientasikan hafalan bagi memastikan murid mencapai keputusan yang cemerlang dalam

peperiksaan. Guru juga masih mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang disifatkan sebagai pengajaran berpusatkan guru semata-mata seperti membaca buku teks, hafalan, soal jawab dan perbincangan (Mayurie Phutharat, 2018).

Masih ramai guru yang terikat kepada sistem pendidikan sedia ada dan menggunakan pendekatan berpusatkan guru dalam PdPc mereka. Kaedah pengajaran yang berpusatkan guru tidak berupaya melahirkan individu yang mempunyai tahap berfikir yang cemerlang, berinteraksi dan berdaya kreatif yang mantap dan produktif (Nik Azis, 1996).

Menurut Becker dan Watts (2001) kaedah “*chalk and talk*” merupakan cara pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru kerana kaedah ini dapat mengatasi masalah bilangan murid yang ramai dalam satu kelas dan masalah menghabiskan sukatan pelajaran. Tegasnya masih ramai guru yang terikat kepada sistem pendidikan sedia ada dan menggunakan pendekatan berpusatkan guru dalam PdPc mereka.

Kaedah pengajaran yang berpusatkan guru tidak berupaya melahirkan individu yang mempunyai tahap berfikir yang cemerlang, berinteraksi dan berdaya kreatif yang mantap dan produktif (Nik Azis, 1996).

Bork (2002) mendapati bahawa kemampuan murid dalam kemahiran menyelesaikan masalah adalah dilakukan mengikut apa yang diajar di samping berpandukan buku teks dan bukannya mengikut kemahiran dan kemampuan murid. Ini menunjukkan bahawa pengajaran satu hala yang mana guru lebih banyak menggunakan verbal, menyebabkan murid mengulagi apa yang dinyatakan oleh guru di dalam kelas.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan guru dan bergantung penuh kepada buku teks antara faktor yang dikenalpasti menyebabkan murid cepat bosan dan hilang minat dalam subjek Sains Sukan. Menurut Mohamed Arip et. al. (2014) menyatakan bahawa kecenderungan guru menggunakan kaedah pengajaran tradisional dan tidak menggunakan ABM dalam PdPc menyebabkan murid hilang tumpuan dalam pembelajaran.

Walaupun pelbagai kaedah telah didedahkan namun terdapat sebilangan besar guru yang masih menggunakan kaedah tradisional yang biasa seperti pendekatan latih tubi tanpa memberi penerangan konsep yang mencukupi melahirkan murid yang tidak boleh berfikir secara kritis dan kreatif (Mohamad Khatim, 2001). Nik Faizah (1996) menyatakan kebanyakan guru masih menggunakan pendekatan berpusatkan guru dan ini menyebabkan murid menjadi kurang aktif dalam subjek Sains Sukan. Pernyataan ini juga disokong oleh Johnson (dalam Noraini Idris, 2001) menyatakan bahawa pengajaran tradisional merupakan kaedah pengajaran



yang pasif dan tidak memberangsangkan.

Kajian oleh Wong and Amir (2012) mendapati bahawa murid merasa bosan apabila guru memberikan murid nota yang panjang dan murid hanya mempelajari sebahagian kecil dari fakta yang dipelajari. Yahya dan Azmey (2012) menyatakan bahawa guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran bagi meningkatkan pencapaian murid. Ini bermaksud guru perlu mengaplikasikan pendekatan, kaedah, dan juga teknik yang sesuai bagi menarik minat murid untuk mengikuti PdPc. Menurut Daud et.al. (2016) yang menyatakan bahawa faktor yang menjadi penghalang amalan penggunaan ABM guru antaranya ialah kurang kepelbagaian kaedah dalam PdPc mereka. Justeru, minat murid terhadap sesuatu pelajaran akan wujud apabila murid merasakan bahawa pelajaran tersebut adalah menyeronokkan dan mudah untuk difahami serta diingati.

Oleh yang demikian, penggunaan ABM dapat membantu guru dalam aktiviti pengajaran manakala murid pula dalam aktiviti pembelajaran (Mok Soon Sang, 1996). ABM adalah alat yang digunakan oleh guru untuk membantu mereka dalam menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

Proses PdPc menggunakan ABM membantu peningkatan pencapaian murid dan murid tidak mempunyai masalah seperti hilang tumpuan semasa belajar (Mohd Safarin Nordin, Muhammad Sukri Saud & Kamalulariffin Subari, 2008).

ABM merangkumi semua bahan yang boleh dilihat, dipegang, dibaca, dirasa dan dihidu menggunakan lima deria rasa manusia. Oleh itu, pembelajaran menggunakan ABM mampu merangsang lima deria rasa manusia iaitu deria sentuhan, deria rasa, deria bau, deria pendengaran dan deria penglihatan (Ahmad Rizal Madar, Mohamad Zaid Mustafa & Lutfan Jaes, 2008). Melalui kaedah seperti ini, guru dapat menarik perhatian murid untuk belajar.

Dengan ini, jelaslah bahawa melalui kajian-kajian lepas yang dinyatakan kaedah pengajaran dengan bantuan ABM yang efektif dapat membantu semua murid di dalam kelas untuk menguasai sesuatu topik. PdPc yang melibatkan ABM perlu diterapkan oleh guru-guru di sekolah kerana ABM bukan lagi satu perkara yang asing bagi guru.

Mohamad Mohsin dan Nasruddin (2008) menyatakan bahawa walaupun pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membantu guru mengembangkan kreativiti murid, akan tetapi kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa para guru masih gagal meningkatkan kreativiti murid dalam




bilik darjah.

#### **1.4 Kerangka Konseptual Kajian**

Faktor-faktor yang berkaitan dengan penggunaan ABM dalam PdPc seperti mana yang dipaparkan dalam Rajah 1.1 berkaitan dengan kerangka konsep kajian. Kajian in tentang penggunaan ABM dalam PdPc subjek Sains Sukan murid Tingkatan 6. Pembolehubah bebas untuk kajian ini ialah murid manakala pembolehubah bergantung ialah tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru terhadap penggunaan ABM dalam subjek Sains Sukan.

Oleh itu, cadangan-cadangan yang diberikan dalam bab seterusnya akan dapat menyelesaikan masalah yang timbul dengan secepat mungkin. Kerangka konsep yang dicadangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut :



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual

Kajian Sumber : Noraini 2008

## 1.5 Tujuan Kajian

Pada abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia telah banyak memperkenalkan pelbagai kaedah pengajaran yang dapat membantu murid semasa proses PdPc dijalankan. Pihak kementerian juga menggalakkan para pendidik untuk lebih kreatif mencipta atau menghasilkan suatu kaedah pengajaran yang baru yang dapat membantu meningkatkan prestasi dan pemahaman murid dalam suatu topik yang dipelajari mereka. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menggalakkan para pendidik untuk menggunakan ABM semasa proses PdPc di dalam kelas. Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji penerimaan murid terhadap penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dalam subjek Sains Sukan.

## 1.6 Objektif Kajian

Antara objektif kajian adalah:

- 1.6.1 Untuk menilai tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru terhadap penggunaan ABM dalam PdPc Subjek Sains Sukan.
- 1.6.2 Untuk menentukan hubungan antara tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap kemahiran guru terhadap penggunaan ABM dalam PdPc Subjek Sains Sukan.

## 1.7 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian adalah:

- 1.7.1 Sejauh manakah keberkesanan penggunaan ABM dalam proses pembelajaran menggunakan ABM dalam PdPc Subjek Sains Sukan ?
- 1.7.2 Apakah pandangan murid terhadap penggunaan ABM dalam PdPc Subjek Sains Sukan ?
- 1.7.3 Apakah hubungan antara tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru terhadap penggunaan ABM dalam PdPc Subjek Sains Sukan ?

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dari aspek kemahiran, pelaksanaan dan keberkesanan guru terhadap penggunaan ABM dalam PdPc. Selain itu, pengkaji ingin melihat hubungan di antara tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru terhadap penggunaan ABM dalam Subjek Sains Sukan. Dengan adanya kajian ini diharapkan agar dapat mengetahui tahap keberkesanan penggunaan ABM dalam Subjek Sains Sukan. Kajian ini memberi manfaat kepada :



a) Murid Sekolah

Kajian ini banyak memberi manfaat kepada murid yang mana dapat mengenal pasti ABM yang sesuai dengan tahap pencapaian mereka dan guru dapat mempraktikkannya di dalam bilik darjah dengan berkesan. Pengkaji mengharapkan dengan adanya kajian ini, murid akan lebih berminat terhadap mata pelajaran yang dipelajari dan mendapat pencapaian yang lebih cemerlang.

b) Pendidik



Kajian ini banyak memberi manfaat kepada pendidik kerana dapat mengenal pasti penerimaan murid dari aspek minat dan sikap terhadap penggunaan ABM dalam PdPc dan bagaimana cara pendidik mempraktikkan ABM serta mempelbagaikan ABM dalam PdPc mereka di dalam kelas. Ianya juga dapat membantu guru dalam merancang dan membuat persediaan sebelum sesuatu PdPc bermula.

c) Pentadbiran sekolah

Kajian ini penting untuk pihak pentadbir sekolah kerana pihak sekolah mudah untuk memilih ABM bersesuaian dengan teknik atau kaedah pengajaran guru. Selain itu, pihak sekolah juga perlu menyediakan kemudahan peralatan dan tempat guru menggunakan ABM supaya PdPc berjalan dengan lancar, berkualiti dan berkesan.



Di samping itu, pihak pentadbir sekolah boleh menyediakan bilik khas untuk penyimpanan, pembinaan ABM dan baik pulih peralatan. Seterusnya, Pusat Sumber Sekolah adalah salah satu bilik khas yang boleh digunakan oleh guru untuk sesi PdPc dilaksanakan dengan menyediakan kelengkapan ABM yang mencukupi dan sempurna untuk setiap mata pelajaran.

d) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pihak kementerian juga memainkan peranan yang penting agar dapat membantu guru mengeluarkan dan mencetus idea-idea baru untuk menghasilkan ABM yang kreatif dan inovatif. Pihak kementerian perlu menyediakan dana yang mencukupi kepada guru dan pihak sekolah agar, guru-guru dapat menghasilkan lebih banyak ABM yang lebih menarik. KPM juga perlu menyediakan pelbagai bengkel atau kem yang berkaitan dengan penghasilan ABM yang menarik.

Selain itu, maklumat hasil daripada kajian ini berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menaiktaraf pendidikan di Malaysia. Pihak kementerian juga memperolehi maklumat tambahan berkaitan dengan tahap pencapaian murid berdasarkan hasil kajian ini. Oleh yang demikian pihak kementerian boleh melakukan penambahbaikan yang lebih proaktif.

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan disebuah sekolah dan responden terdiri daripada tingkatan 4 sahaja. Responden terhad kepada pelajar tingkatan 4 dan terhad kepada kelas seramai 25 orang murid. Cara yang digunakan untuk mengambil sampel adalah dengan cara pensampelan secara rawak berkelompok di mana, respon diambil dari kalangan murid tingkatan 4. Kajian ini terbatas kepada sebuah sekolah sahaja. Selain itu, sekolah ini dilengkapi dengan kemudahan yang lengkap agar proses menggunakan BBM mengajar

## 1.10 Definisi Operational

### 1.10.1 Tahap

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tahap ditakrifkan sebagai peringkat ataupun tingkat. Di dalam konteks kajian ini, tahap adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran, tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan guru terhadap penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM).

#### 1.10.2 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, keberkesanan ditakrifkan sebagai perihai berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan, dsb). Sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperoleh sesudahnya. Di dalam konteks kajian ini, untuk menilai keberkesanan penggunaan ABM dalam subjek Sains Sukan.

#### 1.10.3 Alat Bantu Mengajar (ABM)

Alat bantu mengajar (ABM) yang mana juga dikenali sebahagian daripada media pengajaran yang ditakrifkan sebagai audio visual dan bahan-bahan yang berkaitan dengannya yang berfungsi dalam perlaksanaan sesuatu pengajaran (Heinich et.al 2002)

#### 1.10.4 Subjek

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, subjek ditakrifkan sebagai pokok perbincangan, perkara, tajuk, mata pelajaran. Dalam konteks kajian ini, subjek Sains Sukan merupakan mata pelajaran yang diajar oleh pengkaji terhadap pelajar tingkatan 6.





### 1.11 Rumusan

Rumusannya, bab ini membincangkan serba sedikit mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konsep kajian, batasan kajian dan juga kepentingan kajian. Manakala dalam kajian ini juga telah mendefinisikan perkataan atau istilah yang akan digunakan untuk memudahkan pembaca memahami perkataan atau istilah. Melalui huraian-huraian dan maklumat yang telah diberikan, diharapkan agar ia dapat memberi gambaran yang jelas bagi

